

PM: Umur bersara baru kakitangan awam ditimbang

PUTRAJAYA 5 Feb. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi percaya agak terlalu awal bagi kakitangan awam untuk bersara pada umur 55 atau 56 tahun.

Beliau berkata, dengan jangka hayat para penduduk yang semakin bertambah serta tahap kesihatan awam serta individu di negara ini semakin baik, umur 56 hingga 60 tahun boleh dikatakan 'muda' lagi.

"Kalau dulu orang kata tahap kematangan dan cukup pengalaman dicapai pada umur 40 tahun, tapi hari ini kemuncak kehidupan ialah setelah umur seseorang itu melebihi 50 tahun," katanya ketika berucap pada majlis makan malam Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia (PPTD) di sini, hari ini.

Abdullah menyatakan demikian sebagai reaksi segera kepada ucapan Presiden PPTD, Tan Sri Aseh Che Mat pada majlis yang sama yang mahukan umur persaraan kakitangan awam dinaikkan kepada 60 tahun daripada 56 tahun sekarang.

Aseh dalam ucapannya berkata, sudah sampai masanya kerajaan mengkaji semula perkara itu dengan mengambil kira jangka hayat penduduk negara ini telah meningkat dan amalan-amalan di negara lain yang sudah melanjutkan umur bersara kakitangan awamnya sehingga 65 tahun.

Sehubungan itu kata Abdullah, cadangan tersebut ada kewajaran untuk dipertimbangkan melihat kepada jangka hayat penduduk yang semakin tinggi dibandingkan dengan waktu dahulu serta pengalaman-pengalaman berharga yang dimiliki oleh seseorang penjawat awam.